

Nurfariha Ahmad

From: Norlela binti Emaran
Sent: Wednesday, February 16, 2022 5:41 PM
To: Nurfariha Ahmad
Subject: Permohonan Menjalankan Baki Tiga Sesi Lawatan Perundingan bagi Program Pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015
Attachments: 1 - Surat Permohonan Lantikan Khidmat Perunding Baru daripada JHEAINS.pdf

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Puan,

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

Untuk pengetahuan Puan, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) telah menjalani Program Pembangunan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 yang telah dijalankan pada September 2019 sehingga Ogos 2020 merangkumi dua kursus dan 14 sesi lawatan perundingan dengan yuran program sebanyak RM 60,000.00 yang telah selesai pembayaran pada 20 Januari 2020.

Namun, hanya dua kursus dan 11 lawatan perundingan berjaya diselesaikan dan terdapat tiga sesi lawatan perundingan yang belum dipenuhi akibat kekangan program yang tidak dapat dijalankan semasa pandemik Covid-19 pada tahun 2020.

Pada 17 Disember 2020, satu surat rasmi daripada JHEAINS telah dihantar kepada MPC SBO berkenaan permohonan pelantikan perunding baharu dan sesi lawatan perundingan selama tiga hari dipohon untuk disambung pada tahun 2021. Pelaksanaan program juga tidak dapat dijalankan pada tahun 2021 atas kekangan daripada JHEAINS. Oleh itu, emel permohonan ini dihantar bagi permohonan untuk menjalankan pelaksanaan baki tiga sesi lawatan perundingan pada tahun 2022. Pihak JHEAINS juga memohon agar tiga sesi lawatan ditukar menjadi tiga hari kursus bagi memastikan program yang dijalankan adalah secara menyeluruh.

Segala pertimbangan daripada pihak MPC Wilayah Sabah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Norlela binti Emaran
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)